

11 APR 2000

Syed Hamid-Mekenisme

MALAYSIA GESA MEKANISME BARU DIWUJUD LINDUNGI NEGARA SELATAN

Oleh: E. Sivabalan

HAVANA, 11 April (Bernama) -- Malaysia akan mencadangkan pada Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Membangun (Kumpulan 77) di sini yang bermula Rabu supaya mekanisme baru diwujudkan bagi meningkatkan penyertaan negara membangun dalam pengurusan ekonomi antarabangsa.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata mekanisme itu hendaklah "lebih demokratik lagi adil".

Ketika ditemui wartawan Malaysia setibanya di sini untuk menghadiri mesyuarat Menteri Luar Kumpulan 77 lewat hari ini, Syed Hamid berkata mekanisme sekarang tidak memadai.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyentuh mengenai isu ini apabila beliau berucap mengenai globalisasi pada sidang kemuncak berkenaan," kata beliau.

Syed Hamid berkata mekanisme itu akan melindungi negara-negara membangun daripada krisis kewangan seperti yang dihadapi pada 1997.

Beliau bagaimanapun tidak memberitahu bagaimana mekanisme itu akan berfungsi.

"Kita perlu mengusahakannya," kata Syed Hamid.

Syed Hamid berkata yang penting ialah negara membangun bersetuju dengan suara "lebih besar" untuk melaksanakan pembaharuan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Sidang kemuncak selama dua hari itu akan dihadiri oleh lebih 60 pemimpin negara membangun dan wakil daripada 50 negara anggota yang lain.

Kumpulan 77 ditubuhkan pada 1964 oleh 77 negara membangun dan setakat ini, 133 negara anggota termasuk China menjadi anggota kumpulan itu.

Syed Hamid mengesahkan bahawa China akan menghadiri sidang kemuncak yang bersejarah itu.

Beliau juga berkata isu bebanan hutang luar yang mencengkam kebanyakan negara membangun juga akan dibincangkan.

"Masalah hutang boleh diatasi," kata beliau.

Syed Hamid juga berkata jalan keluar terhadap masalah negara-negara membangun diketepikan ialah dengan meningkatkan perdagangan dan pelaburan dari negara-negara Selatan dan Utara.

"Negara maju harus membuka pasaran mereka dan tidak sebaliknya meminta negara membangun berbuat demikian," kata beliau.

Beliau berkata Dr Mahathir akan memberikan pandangannya mengenai pelbagai isu yang menyentuh kepentingan Malaysia dan negara membangun yang lain termasuk menubuhkan sistem kewangan baru.

Syed Hamid berkata Pelan Tindakan yang akan dikeluarkan selepas sidang kemuncak itu akan mengandungi langkah-langkah untuk mendepani globalisasi.

-- BERNAMA

ES FAZ